Orang-orang di Penang telah mengadakan tuntutan supaya wanita-wanita Islam diharamkan daripada mengambil bahagian dalam peraduan Ratu Cantik – Berita.

*

Soal bahasa bukannya sahaja menyentuh setiap rakyat Malaysia, baik yang sudah lahir ataupun masih belum lahir. Ini bermakna hanya pertubuhan yang benar-benar mewakili seluruh rakyat – dan bukan segelintir manusia sahaja – berhak mengurus soal bahasa ini – Tan Siew Sin.

*

Dalam soal bahasa, jelas sekali bahawa sebarang penyelesaian hanya boleh dicapai dengan kerjasama orang-orang Melayu yang didukung oleh UMNO dan orang-orang India yang diwakili oleh M.I.C – Tan Siew Sin.

*

Pembinaan pelabuhan berhampiran dengan Johor Bahru merupakan satu sikap kita berdiri di atas kaki kita sendiri dan mengurangkan pergantungan kita kepada negara asing – Tuan Haji Ali Raya, Speaker Dewan Undangan Negeri Johor.

*

Tindakan kerajaan Singapura mengenai permit kerja mengakibatkan banyak pekerja-pekerja dari Malaysia tersingkir dari negeri-negeri itu – Tuan Haji Ali Raya.

*

Kalau pelabuhan di Selat Tebrau dapat dibina kita boleh menampung tenaga buruh yang tersingkir oleh permit kerja di Singapura itu – Tuan Haji Ali Raya.

*

"Ampunlah hamba ini ya Allah kerana penduduk-penduduk di sini (Kuala Kedah – P) telah menamakan masjid ini dengan nama hamba – Tengku Abdul Rahman.

*

Jawatankuasa dan penduduk-penduduk Kuala Kedah bersetuju menamakan masjid itu "Masjid Putra" mengambil sempena nama Tengku Abdul Rahman memandang kepada masa-masanya terhadap kepada perkembangan Islam di samping meninggikan syiar Islam – Tuan Haji Ismail bin Ibrahim Pengerusi Pembukaan Masjid – Kuala Kedah.

*

Cabutan

*

Sebaik-baik jihad itu ialah seseorang memerangi dirinya dan hawa nafsunya – maksud hadith Nabi (S.A.W) yang diriwayatkan oleh Ibn al-Najār.

*

Sesungguhnya Allah Ta'ālā tidak menyeksa ketua-ketua dengan sebab dosa orang banyak kecuali sesudah ia lihat kemungkaran itu tersiar di antara mereka, sedang mereka berkuasa menyingkirkannya tetapi mereka tidak menyingkirkannya – maksud hadith Nabi (S.A.W) yang diriwayatkan oleh Aḥmad.

*

Apabila tidak tahu, hendaklah engkau bertanya; dan apabila engkau terkeliru, hendaklah engkau kembali; dan apabila engkau berbuat jahat, hendaklah engkau menyesal; dan apabila engkau marah hendaklah engkau bersabar – kata seorang hakim.

*

Orang-orang Melayu terutama kaum inteleknya, tidaklah boleh tertumpu kepada satu jurusan sahaja, terutama sekali di dalam lapangan pertadbiran. Mereka harus menumpukan perhatian dalam semua jurusan – Tengku Mahmud Iskandar Raja Muda Johor.

———

Kata-kata Hikmah

Jangan susah jika engkau tidak dikenali orang, tetapi engkau harus bersusah jika engkau tidak mengenali orang lain. – Pendeta Khonghucu.

* * *

Celakalah manusia yang hanya mementingkan pakaian zahirnya sahaja, batinnya tidak diberikan pakaian dengan selayaknya – Hukama.

* * *

Carilah seribu sahabat dalam pergaulan, kerana seribu sahabat belumlah banyak. Jauhilah seorang musuh, kerana musuh yang seorang itu sudah lebih dari banyak. – Luqmān al-Ḥakīm.

* * *

Cantik muka dengan busuk hati itu sama dengan keadaan sebuah pelita yang terletak di atas kubur Majusi – 'Alī bin Abī Ṭālib.

* * *

Cerminkanlah segala kejadian yang telah lalu itu untuk panduan hidup di masa yang akan datang. – al-Ḥakīm.